

MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA MEMERLUKAN SEBUAH KERAJAAN YANG TEGUH, CEKAP DAN BERTANGGUNGJAWAB DAN HANYA BARISAN NASIONAL SAHAJA MAMPU MEWUJUDKAN KERAJAAN SEUMPAMA ITU PADA MASA INI.

+BAGI NEGARA YANG MEMBANGUN DAN BERBILANG KAUM DAN AGAMA SEPerti MALAYSIA, KERAJAAN YANG KUAT SAHAJA YANG DAPAT MENTADBIR NEGARA DENGAN BAIK, JUJUR DAN DENGAN PENUH KEYAKINAN.

+PARA PEMIMPIN BN MEMPUNYAI KEWIBAWAAN DAN KESANGGUPAN MEMIMPIN NEGARA KE ARAH KESTABILAN DAN KEMAJUAN,+ KATANYA PADA CERAMAHNYA SELAMA 15 MINIT MENERUSI RTM TENGAH HARI INI SEMPENA PILIHAN RAYA UMUM 2 DAN 3 OGOS.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEJAK NEGARA MERDEKA 29 TAHUN LEPAS, PENCAPAIAN MALAYSIA DI BAWAH PENTADBIRAN PERIKATAN DAN BN KEMUDIAN JELAS TERBUKTI DALAM SEMUA BIDANG.

KATANYA PEMBANGUNAN NEGARA TELAH DIRANCANG DENGAN TELITI DAN TERATUR DAN SETAKAT INI ENAM RANCANGAN LIMA TAHUN TELAH DILANCARKAN YANG MENGHASILKAN PENCAPAIAN CEMERLANG DALAM BIDANG PENDIDIKAN, KESIHATAN, PERTANIAN, KEMUDAHAN ASAS DAN PERINDUSTRIAN. -- LAGI.
1503MST 28 07 86

0086

U 8853 AAB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+ BERATUS-RATUS BUAH SEKOLAH, BERPULUH-PULUH BUAH KOLEJ DAN ENAM UNIVERSITI DITUBUHKAN= HOSPITAL BESAR BERTAMBAH DI BANDAR-BANDAR DAN BERATUS-RATUS PUSAT KESIHATAN DAN KLINIK DIBINA DI DESA= BERIBU-RIBU HEKTAR TANAH DITEROKA= BERIBU-RIBU KILOMETER JALAN BARU DIBINA DAN DIPERBAIKI= BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK DISALUR KE HULU-HULU= BILANGAN INDUSTRI BESAR MENINGKAT DAN BILANGAN PROFESIONAL, PENGUSAHA DAN CERDIK PANDAI BERTAMBAH DALAM TEMPOH ITU,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEGARNYA BN TERBUKTI SEHINGGA SANGGUP MEMPERJUANG SATU PEMERINTAHAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DENGAN SEGALA KEBURUKAN DAN KELEMAHAN DIDEDAHKAN DAN DIBERSIHKAN.

TRADISI MEMBELA RAKYAT INI AKAN DIPERTEGUH LAGI JIKA BN MEMENANGI PILIHAN RAYA, TEGAS DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PENERUSI BN DAN PRESIDEN UMNO.

KATANYA TRADISI MEMBELA RAKYAT INI JUGA MEMAKSA KERAJAAN BN PADA MASA LEPAS MENGAMBIL TINDAKAN YANG TIDAK POPULAR DALAM JANGKA PENDEK TETAPI AKAN MEMBAWA KEBAIKAN AKHIRNYA.

+KEBERANIAN MEMBUAT DEMIKIAN MEMBERI KESAN YANG BERPANJANGAN DALAM PEMBANGUNAN NEGARA, JIKA TIDAK MAKA YANG AKAN DITUMPUKAN IALAH POLITIK UNTUK POPULARITI SAHAJA,+ UJARNYA. -- LAGI
1517MST 28 07 86

DD95

U B860 AAB

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA TEKATAN KEPADA FAEDAH JANGKA PANJANG INILAH YANG ANTARA LAINNYA MENGHASILKAN SISTEM PERAKAM WAKTU, RUANG PEJABAT TERBUKA, TANDA NAMA, PUSAT BAYARAN SETEMPAT DAN MEMBAJAI NILAI-NILAI MURNI DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

HASILNYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM PADA JANGKA PANJANG TELAH TERBUKTI TEGASNYA.

MENSERAI EKONOMI, PERDANA MENTERI BERKATA DASAR PERSYARINATAN MALAYSIA DAN PENSWASTAAN MALAYSIA BERTUJUAN MENARIK SEKTOR SWASTA MEMBANTU KERAJAAN MENAMBAH HASILNYA DI SAMPING MENGURANGKAN BEBANAN KEWANGAN KERAJAAN, MENINGGIKAN KECEKAPAN DAN MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI.

KERAJAAN SEKARANG JUGA BERPENDAPAT INDUSTRI SEHARUSNYA MENJADI TELANG BELAKANG PEMBANGUNAN NEGARA MASA DEPAN, KATANYA.

KATANYA WALAUPUN KERAJAAN MEMBERI TUMPUAN KEPADA INDUSTRI BERAS YANG MEMERLUKAN MODAL DAN TEKNOLOGI TINGGI SERTA TENAGA PEREKOD MAHIR TERAPI PEMBANGUNAN KAMPUNG DAN LUAR BANDAR TERUS DIBERI GALAKAN. -- LAGI

1533HST 28 07 86

U B864 AAB

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DENGAN ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, KERAJAAN MENGGALAKKAN PENGURUSAN MODEN BAGI KEBUN-KEBUN KECIL DAN SAWAH PADI, MENGGALAKKAN INDUSTRI KAMPUNG, SERTA BERTEKAD MENYUSUN KAMPUNG-KAMPUNG SECARA TERATUR.

PENDUDUK DI KAMPUNG-KAMPUNG BARU, ESTET DAN KAWASAN-KAWASAN PEDALAMAN SERTA TERPENCIL JUGA DIBERI BERBAGAI-BAGAI KEMUDAHAN UNTUK HIDUP YANG LEBIH SELESA, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA KINI SEMAKIN DIKENALI PADA KACA ANTARABANGSA BUKAN SAHAJA KERANA BERPENDIRIAN TEGAS DALAM BEBERAPA ISU, TETAPI JUGA KERANA SUMBANGAN PENDAPAT DAN PENGALAMAN MENGATASI PELBAGAI MASALAH TERMASUK PENCEGAHAN DADAH.

HASILNYA BANYAK ORANG ASING TELAH DIHANTAR KE SINI UNTUK MEMPELAJARI BERBAGAI-BAGAI SISTEM DAN CARA PENTADBIRAN YANG DIPELOPORI OLEH NEGARA INI, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU RAKYAT MEMILIH BN SUPAYA SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH DAN BERKESAN DAPAT DIBENTUK UNTUK MENERUSKAN KEJAYAAN-KEJAYAAN ITU DI SAMPING MENJAMIN KESTABILAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA SERTA RAKYATNYA.

-- BERNAMA

1605HST 28 07 86